

# KULIAH ZOHOR

**“Sikap Terhadap Pelaku Maksiat Yang Berulangkali”**

**Masjid Maarof | 23 Mei 2018**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Matn (Teks) Hadith

عن النبي صلى الله عليه وسلم، فيما يحكى عن ربه، تبارك وتعالى، قال:  
أذنب عبدي ذنباً، فقال: اللهم اغفر لي ذنبي، فقال الله تبارك وتعالى: أذنب  
عبدي ذنباً، فعلم أن له رباً يغفر الذنب، ويأخذ بالذنب، ثم عاد فأذنب،  
فقال: أي رب اغفر لي ذنبي، فقال تبارك وتعالى: أذنب عبدي ذنباً، فعلم  
أن له رباً يغفر الذنب، ويأخذ بالذنب، ثم عاد فأذنب، فقال: أي رب اغفر  
لي ذنبي، فقال، تبارك وتعالى: أذنب عبدي ذنباً، فعلم أن له رباً يغفر  
الذنب، ويأخذ بالذنب، قد غفرت لعبدي فليفعل ما شاء

# Terjemahan Hadith

- Rasulullah s.a.w telah bersabda,

“Allah taala telah berfirman: Seorang hamba telah berdosa. Lalu dia berkata: Ya Allah ampunkanlah dosaku. Lalu Allah taala berfirman: HambaKu telah berdosa. Dia tahu bahawa dia mempunyai Tuhan yang mengampunkan dosa. Kemudian dia melakukan dosa lagi, lalu berkata: Ya Tuhanku ampunkanlah dosaku. Lalu Allah taala berfirman: HambaKu telah berdosa. Dia tahu bahawa dia mempunyai Tuhan yang mengampunkan dosa. Kemudian dia mengulangi melakukan dosa, lalu berkata: Ya Allah ampunkanlah dosaku.....

- ....Lalu Allah taala berfirman: HambaKu telah berdosa. Dia tahu bahawa dia mempunyai Tuhan yang mengampunkan dosa. Telah aku ampuni hambaku, maka lakukanlah apa yang dia kehendaki.” (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

# Pengajaran Hadith

1. Gambaran sikap kasih dan belas kasihan Allah taala terhadap hambanya.
2. Allah sentiasa terbuka untuk ampunkan dosa dan menerima hambaNya seadanya
  - selagi dia masih mahu beriman denganNya, mengaku akan kelemahannya dan kembali kepadaNya
  - walaupun hamba berkenaan mengulangi dosa-dosanya.

3. Allah taala tidak melihat kelemahan hamba berkenaan kerana mengulangi dosanya tetapi melihat kesediaannya untuk mengakui kelemahan dan bertaubat.
4. Jangan lenyapkan pengharapan dan mengkaburkan rahmat Allah taala itu sendiri.
5. Tidak hanya melihat sudut negatif seseorang tetapi juga sudut positifnya.
6. Islam lebih anjurkan untuk sentiasa berfikiran positif dan melihat aspek-aspek yang positif.

7. Jangan suka bersikap sinis terhadap mereka yang mengulangi kesilapan lalu.
8. Sekiranya pada perkara yang telah jelas dosanya di sisi Allah taala, lebih dianjurkan untuk bersifat rahmat dan ihsan pada persoalan yang tidak jelas kedudukan haram atau halalanya sesuatu perkara.
9. Keterbukaan dan rahmat lebih utama dalam persoalan antara yang utama dan lebih utama, antara mubah dan sunat, antara makruh dan sunat, dalam perkara-perkara khilafiyah dan dalam persoalan pendekatan yang bersifat ijtihadiyah.

# KULIAH ZOHOR

**“Menjinakkan Hati Dengan Hadiah”**

**Masjid Maarof | 23 Mei 2018**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)



# Matn (Teks) Hadith

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : " لَمَّا كَانَ يَوْمُ حُنَيْنٍ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَسًا فِي الْقِسْمَةِ ، فَأَعْطَى الْأَقْرَعَ بْنَ حَابِسٍ مِائَةً مِنَ الْإِبِلِ وَأَعْطَى عُيَيْنَةَ مِثْلَ ذَلِكَ وَأَعْطَى أَنَسًا مِنْ أَشْرَافِ الْعَرَبِ فَأَثَرَهُمْ يَوْمَئِذٍ فِي الْقِسْمَةِ ، قَالَ : رَجُلٌ وَاللَّهِ إِنَّ هَذِهِ الْقِسْمَةَ مَا عُدِلَ فِيهَا وَمَا أُرِيدَ بِهَا وَجْهُ اللَّهِ ، فَقُلْتُ : وَاللَّهِ لِأُخْبِرَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَتَيْتُهُ فَأَخْبَرْتُهُ ، فَقَالَ : فَمَنْ يَعْدِلُ إِذَا لَمْ يَعْدِلِ اللَّهُ وَرَسُولُهُ رَحِمَ اللَّهُ مُوسَى قَدْ أُوذِيَ بِأَكْثَرِ مِنْ هَذَا فَصَبِرَ "

# Terjemahan Hadith

- Abdullah b. Mas`ud r.a berkata, “Ketika selesai perang Hunain Nabi s.a.w mengutamakan beberapa tokoh-tokoh Quraisy dalam pembahagian harta rampasan perang. Dia s.a.w memberi kepada Al-Aqra' b. Haabis seratus unta. Uyainah juga diberi sebanyak itu dan dia s.a.w memberi kepada beberapa orang terkemuka juga. Dia s.a.w telah mengutamakan mereka dalam pemberian, sehingga ada orang berkata: Demi Allah pembahagian itu tidak adil dan tidak kerana Allah. Abdullah b. Mas`ud berkata: Demi Allah akan aku sampaikan berita ini kepada rasulullah s.a.w. Ketika aku beritahu kepada Nabi s.a.w, beliau bersabda: Maka siapakah yang adil, jika Allah dan Rasulullah dianggap tidak adil? Semoga Allah memberi rahmat kepada Musa. Dia telah diganggu lebih banyak dari ini, maka ia sabar.” (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

# Pengajaran Hadith

1. Harus beri hadiah atau anugerah kebendaan kepada mereka yang baru masuk Islam khususnya golongan para pembesar dan pemimpin kerana untuk menjinakkan hati mereka
  - harus bagi tujuan menarik hati mereka kepada Islam atau memenangi sokongan mereka atau memenuhi maslahat Islam yang lain
  - rujuk kitab-kitab fiqh mengenai asnaf zakat - golongan muallaf.

2. Rasulullah s.a.w tetap menggunakan pendekatan sedemikian walau sudah kuat berkuasa kerana telah menakluk Mekah
  - bukan taktik waktu lemah sahaja.
  
3. Tidak semestinya bersifat bermuka-muka, ampu penguasa, seumpama rasuah, apologetik, mentaliti pengalah (*defeatist*), defensif dan lain-lain
  - apa orang kata tidak ubah hakikat bahawa apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w adalah satu pilihan (*option*) dalam dakwah
  - hendaklah dihormati, kalau pun jika kita tidak bersetuju dengannya.

4. Bagaimanakah pendekatan ini dapat dimanfaatkan sebagai sebahagian dari strategi dakwah yang bersepadu tanpa menimbulkan mudarat atau pelanggaran syariat?
  - soalan yang perlu difikirkan, bukan mengelak atau melarikan diri darinya
  - mengelak darinya akan menafikan dakwah dari pendekatan-pendekatan yang bermanfaat.
5. Pemimpin perlu dan berani mengambil keputusan yang tidak popular, jika jelas akan dasar keputusan yang dibuat.
6. Orang yang menuduh atau mempertikaikan keikhlasan orang lain tidak semestinya lebih baik atau benar dari yang dituduh.

7. Sentiasa cari penjelasan agar tidak jatuh dalam bersangka buruk, membuat hukuman dan tuduhan yang salah.
8. Pemimpin pasti akan hadapi sikap-sikap negatif dari para pengikut
  - hadapi dengan terbuka dan penuh kesabaran
  - sebahagian dari asam garam kepimpinan dakwah
  - bukan alasan untuk mundur dari tugas atau merajuk